PP lwn. ANDREWSON MAWAN ALI & YANG LAIN A

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
ABU BAKAR KATAR H
[SEMAKAN JENAYAH NOS: JA-43-1-01-2024,
JA-43-2-01-2024 & JA-43-3-01-2024]
18 FEBRUARI 2024 B

Abstrak – *Tujuan penggubalan s. 45A(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ') adalah untuk mengasingkan pelaku kesalahan bawah s. 45A(1) APJ daripada pengguna jalan raya yang lain. Ini kerana, kesalahan bawah s. 45A(1) APJ dilihat sangat berbahaya dan mampu mendatangkan musibah yang besar pada pengguna jalan raya yang lain. Oleh itu, dalam menjatuhkan hukuman menurut s. 45A(3) APJ, perintah penggantungan lesen memandu hendaklah merangkumi semua kelas lesen memandu, dan tidak terhad pada kelas lesen memandu yang tertentu sahaja.* C D

PROSEDUR JENAYAH: *Semakan – Semakan terhadap keputusan Mahkamah Majistret – Tertuduh-tertuduh dituduh bawah s. 45A(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ') kerana memandu dalam keadaan mabuk – Mahkamah Majistret memerintahkan, antara lain, dua daripada tertuduh-tertuduh hilang kelayakan memohon lesen memandu bagi kelas D selama dua tahun – Sama ada keputusan Mahkamah Majistret betul – Sama ada perintah penggantungan bawah s. 45A(3) APJ terhad pada kelas lesen memandu tertentu atau semua kelas – Tujuan penggubalan s. 45A(3) APJ – Sama ada tertuduh, sebaik dituduh, boleh dikenakan perintah penggantungan sebagaimana kesalahan bawah s. 41(5) APJ* E F

Berikutan operasi yang dijalankan oleh pihak polis di tiga lokasi yang berbeza, ketiga-tiga tertuduh yang ketika itu, masing-masing, sedang memandu kereta dan motosikal mereka dalam keadaan mabuk, ditahan dan seterusnya diarahkan oleh pihak polis untuk menjalani ujian saringan alkohol. Hasil ujian mendapati ketiga-tiga tertuduh mempunyai dalam darah mereka, kandungan alkohol melebihi had yang ditetapkan bawah s. 45G(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 ('APJ'), iaitu darah mereka mengandungi lebih daripada 50mg alkohol dalam 100ml darah. Di Mahkamah Majistret, ketiga-tiga tertuduh dituduh bawah s. 45A(1) APJ. Selepas pertuduhan-pertuduhan dibacakan, dua daripada tertuduh-tertuduh itu mengaku salah ('R1 dan R2'), manakala satu lagi memilih untuk dibicara ('R3'). Untuk R1 dan R2, Mahkamah Majistret menjatuhkan hukuman, antara lain, perintah penggantungan lesen memandu kelas D mereka selama dua tahun mulai dari tarikh sabitan. R3 pula, diberikan jaminan dan satu tarikh untuk sebutan kes. Setelah keputusan-keputusan itu dibuat, Mahkamah Majistret menghantar satu surat kepada Mahkamah Tinggi untuk semakan dibuat atas keputusan-keputusan itu. Isu-isu yang ditimbulkan untuk semakan adalah: (i) sama ada G H I

perintah penggantungan lesen bawah s. 45A(3) APJ terhad pada kelas lesen memandu tertentu atau pada semua kelas lesen memandu; dan (ii) sama ada sebaik sahaja R3 dituduh di mahkamah, dia boleh dikenakan perintah penggantungan sementara sebagaimana kesalahan bawah s. 41(5) APJ.

Diputuskan (mengakaskan keputusan Mahkamah Majistret; menggantikan keputusan Mahkamah Majistret dengan perintah hilang kelayakan untuk memohon lesen memandu bagi semua kelas):

(1) Proviso bawah s. 31(1)(b) APJ tidak terpakai untuk kesalahan bawah Akta yang sama, sebagai contoh kesalahan bawah s. 45A(1) APJ. Mahkamah Majistret tidak boleh menggunakan budi bicaranya untuk memerintahkan R1 dan R2 hilang kelayakan untuk memohon lesen memandu kelas D semata-mata bagi maksud penggantungan bawah s. 45A(3) APJ. Seksyen 45A(3) APJ merujuk pada 'lesen memandu' sebagaimana yang ditakrifkan bawah s. 2 Akta sama. (perenggan 38 & 39)

(2) Berdasarkan perbahasan Parlimen, kesalahan bawah s. 45A(1) APJ adalah kesalahan serius berbanding kesalahan bawah ss. 41 dan 42 Akta sama. Parlimen semasa menggubal peruntukan tersebut, telah mengutamakan pengguna jalan raya daripada tindakan pemandu bawah pengaruh alkohol, kerana kesalahan bawah s. 45A(1) APJ itu mampu membawa musibah yang teruk pada masyarakat. Pemandu yang disabitkan bawah kesalahan itu hendaklah dihalang untuk terus berada atas jalan raya. Berikutan itu, bagi maksud s. 45A(3) APJ, sebaik sahaja R1 dan R2 disabitkan atas kesalahan, mereka hilang kelayakan untuk memohon lesen memandu untuk semua kelas dalam tempoh yang ditentukan. Dengan menggunakan kuasa semakan, perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Majistret digantikan dengan perintah R1 dan R2 hilang kelayakan untuk memohon lesen memandu bagi semua kelas. (perenggan 39, 47 & 48)

(3) Walaupun R1 dan R2 hilang kelayakan untuk memohon lesen memandu bagi semua kelas, ini tidak menghalang mereka, melalui s. 33(1) APJ, untuk memohon pada mahkamah selepas tempoh satu tahun, penghapusan perintah hilang kelayakan itu. (perenggan 51)

(4) Seksyen 45A(1) APJ tidak mempunyai peruntukan sebagaimana s. 41(3) Akta sama. Oleh itu, untuk kesalahan bawah s. 45A(1) APJ, sebaik sahaja R3 dituduh dan ditawarkan jaminan, Mahkamah Majistret tidak mempunyai kuasa untuk merampas atau menggantung lesen memandu semua kelas sementara menunggu pelupusan kes R3. Keputusan Mahkamah Majistret terhadap R3 adalah betul. (perenggan 54)

Kes-kes yang dirujuk:
Liaw Kwai Wah & Anor v. PP [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163 SC ***(dirujuk)***
PP v. Harmenderpall Singh Jagara Singh [2007] 2 CLJ 577 CA ***(dibezakan)***
PP v. Mahfar Sairan [2000] 7 CLJ 600 HC ***(dirujuk)***
Robert Lee & Anor v. Wong Ah Yap & Anor [2007] 4 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Teh Boon Heow v. PP [2009] 5 CLJ 664 HC ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, s. 323(1)
Federal Constitution, art. 8(1)
Road Transport Act 1987, ss. 2, 26(1), 31(1)(a), (b), 32(3), 33(1), 41(1), (5), 42(1), 45A(1), (3), 45G(1)

Bagi pihak pendakwaan - Nur Fadilah Johanuddin; TPR
Bagi pihak responden 1, 2 & 3 - Tidak diwakili
Amicus curiae - Rosli Kamaruddin & Muhammad Zaim Rosli; T/n Rosli Kamaruddin & Co

Dilaporkan oleh Syamim Ariffin

PENGHAKIMAN

Abu Bakar Katar H:

Pengenalan

[1] Andrewson Mawan anak Ali (responden pertama) (R1) telah dituduh di Mahkamah Majistret, Kulai, Johor Darul Takzim (Kes Tangkap No: JF-83-18-01-2024) (Kes 18) atas pertuduhan yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 30.12.2023 jam lebih kurang 0015 HRS di KM 25 Jalan Johor Bahru-Ayer Hitam sebagai pemandu kereta Jenis Proton Iswara No Pendaftaran: JCV 3999 didapati telah memandu kenderaan tersebut dimana kadar alkohol dalam darah di dalam badan kamu didapati sebanyak 124 miligram alkohol dalam 100 mililiter darah iaitu lebihan sebanyak 74 miligram berbanding 50 miligram alkohol dalam 100 mililiter darah iaitu had yang ditetapkan seperti yang diperuntukan di bawah s. 45G(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah s. 45A(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pindaan 2000) yang boleh dihukum dibawah seksyen dan Akta yang sama.

[2] Pada 8 Januari 2024, R1 telah mengaku bersalah atas pertuduhan s. 45A(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta itu). Puan Majistret telah merekodkan R1 bersalah dan disabitkan atas pertuduhan. Puan Majistret itu telah menjatuhi hukuman penjara sehari mulai tarikh sabitan dan denda RM10,000 tidak bayar empat bulan penjara. Puan Majistret itu turut memerintahkan R1 hilang kelayakan memegang lesen memandu kelas D selama tempoh dua tahun mulai tarikh sabitan.

[3] Jonathan anak Bayang (responden kedua) (R2) telah dituduh di Mahkamah Majistret, Kulai, Johor Darul Takzim (Kes Tangkap No: JF-83-22-01-2024) (Kes 22) atas pertuduhan yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 1.1.2024 jam lebih kurang 0001 HRS di Jalan Persiaran Indahpura 6 sebagai pemandu kereta Jenis Perodua Viva No Pendaftaran: JLW 7901 di dapati telah memandu kenderaan tersebut dimana kadar alkohol dalam darah di dalam badan kamu didapati sebanyak 124 miligram alkohol dalam 100 mililiter darah iaitu lebihan sebanyak 74 miligram berbanding 50 miligram alkohol dalam 100 mililiter darah iaitu had yang ditetapkan seperti yang diperuntukan di bawah s. 45G(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Oleh yang demikian kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum dibawah s. 45A(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pindaan 2000) yang boleh dihukum dibawah seksyen dan Akta yang sama.

[4] Pada 8 Januari 2024, R1 telah mengaku bersalah atas pertuduhan s. 45A(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta itu). Puan Majistret telah merekodkan R1 bersalah dan disabitkan atas pertuduhan. Puan Majistret itu telah menjatuhi hukuman penjara sehari mulai tarikh sabitan dan denda RM10,000 tidak bayar empat bulan penjara. Puan Majistret itu turut memerintahkan R1 hilang kelayakan memegang lesen memandu kelas D selama tempoh dua tahun mulai tarikh sabitan.

[5] Sacitaran a/l Kuppan (responden ketiga) (R3) telah dituduh di Mahkamah Majistret, Kulai, Johor Darul Takzim (Kes Tangkap No: JF-83-23-01-2024) (Kes 23) atas pertuduhan yang berbunyi seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 25.12.2023 jam lebih kurang 0015 HRS di Jalan Lebuh Putra Utama sebagai penunggang motorsikal Jenis Yamaha LC 135 No Pendaftaran: JTG 5961 di dapati telah menunggang kenderaan tersebut dimana kadar alkohol dalam darah di dalam badan kamu didapati sebanyak 208 miligram alkohol dalam 100 mililiter darah iaitu lebihan sebanyak 158 miligram berbanding 50 miligram alkohol dalam 100 mililiter darah iaitu had yang ditetapkan seperti yang diperuntukan di bawah s. 45G(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987. Oleh yang demikian, kamu telah melakukan kesalahan yang boleh dihukum dibawah s. 45A(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Pindaan 2000) yang boleh dihukum dibawah seksyen dan Akta yang sama.

[6] R3 tidak mengaku bersalah atas pertuduhan. Puan Majistret itu telah memerintahkan jaminan sebanyak RM7,000 dan seorang penjamin. Puan Majistret itu kemudiannya menetapkan kes R3 untuk sebutan pada 18 Februari 2024.

[7] Puan Majistret itu melalui suratnya bertarikh 14 Januari 2024 memohon Kes 18 dan Kes 22 untuk disemak oleh mahkamah ini berkaitan perintah penggantungan lesen memandu mengikut peruntukan s. 45A(3) Akta itu sama ada terhad kepada kelas tertentu atau semua kelas?

[8] Puan Majistret itu turut memohon semakan untuk Kes 23 sama ada bagi kesalahan s. 45A(1) Akta itu, sebaik R3 dituduh di mahkamah perintah penggantungan sementara dibolehkan sebagaimana kesalahan s. 41(5) Akta itu?

Latar Belakang Fakta Kes

(Kes 18)

[9] Pengadu dalam kes ini ialah Kanesan a/l Kuppan, Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Daerah, IPD Kulai bersama sepasukan anggota trafik BSPTD Kulai telah membuat Sekatan Jalan Raya (SJR) Operasi Bersepadu Dalaman/Operasi Mabuk di KM 25 Jalan Johor Bahru-Ayer Hitam. Pengadu telah menahan sebuah kereta nombor pendaftaran: JCV 3999 jenis Proton Iswara yang dipandu oleh R1 untuk ujian saringan alkohol.

[10] Hasil ujian saringan menggunakan alat SD2+ di lokasi mendapati bacaan alkohol yang diperolehi ialah 195mg/100 alkohol dalam darah. R1 telah diiring dan dibawa ke IPD Kulai untuk ujian pernafasan kandungan alkohol menggunakan mesin EBA II dan bacaan yang diperolehi ialah 124mg/100ml dalam darah. Keputusan ujian menunjukkan lebihan alkohol dalam darah R1 sebanyak 74mg berbanding 50ml alkohol dalam 100ml darah iaitu had yang ditetapkan dibawah s. 45G(1) Akta itu. Keputusan ujian saringan SD2+ dan EBA II seperti P5.

[11] Pengadu telah membuat laporan polis sebagaimana Kulai Jaya Trafik Report No: 16345/2023 (P2).

(Kes 22)

[12] Pengadu dalam kes ini ialah Mohd Fatin bin Mohd Nazri, Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Daerah, IPD Kulai bersama sepasukan anggota trafik BSPTD Kulai telah membuat Sekatan Jalan Raya (SJR) Operasi Bersepadu Dalaman/Operasi Mabuk di Jalan Persiaran Indahpura 6, Kulai. Pengadu telah menahan sebuah kereta nombor pendaftaran: JLW 7901 jenis Perodua Viva yang dipandu oleh R2 untuk ujian saringan alkohol.

[13] Hasil ujian saringan menggunakan alat SD2+ di lokasi mendapati bacaan alkohol yang diperolehi ialah 195mg/100 alkohol dalam darah. R2 telah diiring dan dibawa ke IPD Kulai untuk ujian pernafasan kandungan alkohol mengunakan mesin EBA II dan bacaan yang diperolehi ialah 124mg/100ml dalam darah. Keputusan ujian menunjukkan lebihan alkohol dalam darah R2 sebanyak 74mg berbanding 50ml alkohol dalam 100ml darah iaitu had yang ditetapkan di bawah s. 45G(1) Akta itu. Keputusan ujian saringan SD2+ dan EBA II seperti P5.

[14] Pengadu telah membuat laporan polis sebagaimana Kulai Jaya Trafik Report No: 0004/2024 (P2).

A **Merit Permohonan Semakan Jenayah**

[15] Sebelum mahkamah ini menyentuh merit semakan ini, eloklah dirujuk peruntukan s. 323(1) KTJ yang berbunyi seperti berikut:

> s. 323(1) A Judge may call for and examine the record of any proceeding before any subordinate Criminal Court for the purpose of satisfying himself as to the correctness, legality or propriety of any finding, sentence or order recorded or passed, and as to the regularity of any proceedings of that subordinate Court.

[16] Mahkamah ini sedar tujuan kuasa semakan ini ada dirungkai dalam kes tersohor *Liaw Kwai Wah & Anor v. PP* [1987] 1 CLJ 35; [1987] CLJ (Rep) 163; [1987] 2 MLJ 69 di mana YAA Abdul Hamid KHN (pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

> We would observe that the power of revision is to be exercised in accordance with the law for the time being in force relating to criminal procedure. In the present case that law is the Criminal Procedure Code. We would also observe that the object of the revisionary powers provided for in the Code is: ... to confer upon criminal courts a kind of paternal or supervisory jurisdiction, in order to correct miscarriage of [2022] 1 LNS 491 Legal Network Series 5 justice arising from misconception of law, irregularity of procedure, neglect of proper precautions or apparent harshness of treatment, which has resulted on the one hand in some injury to the due maintenance of law and order, or on the other hand, in some undeserved hardship to individuals.

[17] Berbekalkan prinsip undang-undang yang digariskan dalam kes *Liaw Kwai Wah & Anor* (*supra*), mahkamah ini akan meneliti rekod prosiding sama ada terdapat sebarang kecacatan atau ketidakaturan yang memerlukan mahkamah ini menggunakan kuasa semakan yang ada.

[18] Mahkamah ini akan menyentuh Kes 18 dan Kes 22 secara bersekali kerana ia melibatkan isu undang-undang yang sama iaitu sama ada peruntukan s. 45A(3) Akta itu membenarkan R1 dan R2 hilang kelayakan memiliki lesen memandu terhad kepada kelas tertentu iaitu kelas D atau kesemua kelas lesen memandu?

[19] Timbalan Pendakwa Raya (TPR) yang terpelajar dalam penghujahan bertulisnya menegaskan keputusan Puan Majistret yang memerintahkan R1 dan R2 hilang kelayakan memegang lesen memandu kelas D sahaja menepati kehendak undang-undang. TPR yang terpelajar bergantung kepada kes *Teh Bon Heow v. PP* [2009] 5 CLJ 664 sebagas nas sandarannya. TPR yang terpelajar turut berhujah peruntukan s. 45A(3) Akta itu perlu dibaca bersama proviso kepada s. 31(1)(a) dan (b) Akta itu yang memperuntukkan ada budi bicara penggantungan lesen memandu mengikut kelas kenderaan yang terlibat dengan kesalahan.

[20] Hj Rosli bin Kamarudin, selaku peguam *amicus curiae* yang terpelajar berhujah bagi Kes 18 dan Kes 22, beliau menghujahkan sekiranya merujuk kes *Teh Bon Heow* (*supra*), YA Dato' Zamani berpendapat sebaik tertuduh dituduh di bawah kesalahan s. 41(1) Akta itu, sementara kes tertuduh dilupuskan peruntukan s. 41(5) Akta itu memberi kuasa kepada Majistret untuk merampas dan menggantung semua kelas lesen memandu tertuduh. Walaupun begitu, YA Hakim yang sama berpandangan sebaik tertuduh disabitkan atas kesalahan s. 41(1) Akta itu, Majistret itu mempunyai budi bicara untuk memerintahkan penggantungan lesen memandu terhad kepada kelas kenderaan yang terlibat sahaja.

[21] Peguam *amicus curiae* yang terpelajar turut menarik perhatian mahkamah ini kepada peruntukan s. 32 Akta itu, khasnya s. 32(3), Akta itu yang memberi kuasa untuk menggantung lesen memandu terhad kepada kelas tertentu sahaja. Walaupun begitu, peruntukan s. 32 Akta itu tidak menyatakan sama ada ia terpakai bagi kesalahan di bawah s. 45A(1) Akta itu yang membabitkan R1 dan R2. Peguam *amicus curiae* yang terpelajar menghujahkan berdasarkan pandangan dalam kes *Teh Bon Hew* (*supra*) dan pindaan s. 45A Akta itu serta peruntukan s. 31 dan s. 32 Akta itu, niat Parlimen jelas iaitu bagi R1 dan R2 yang disabitkan dengan kesalahan s. 45A Akta itu, penggantungan lesen memandu melibatkan semua kelas dan tidak terhad kepada kelas kenderaan yang terlibat semasa kesalahan dilakukan.

[22] Peguam *amicus curiae* yang terpelajar turut menghujahkan mungkin kelihatannya tidak berlaku adil apabila penggantungan lesen memandu atas semua kelas. Natijahnya, ia akan menyebabkan seseorang tertuduh hilang mata pencarian bagi kelangsungan hidupnya. Peguam *amicus curiae* yang terpelajar menghujahkan selepas satu tahun, seseorang yang disabitkan atas kesalahan s. 45A Akta itu boleh mengemukakan rayuan kepada Ketua Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan bagi pertimbangannya.

[23] Peguam *amicus curiae* yang terpelajar turut menarik perhatian mahkamah ini kepada kes Mahkamah Rayuan iaitu *PP v. Harmenderpall Singh Jagara Singh* [2007] 2 CLJ 577. Mahkamah ini berpendapat dalam kes *Harmenderpall Singh Jagara Singh* (*supra*) fakta kesnya berbeza dengan kes R1 dan R2. Dalam kes *Harmenderpall Singh Jagara Singh* (*supra*), tertuduh menghadapi pertuduhan kesalahan di bawah s. 41(1) Akta itu. Sebaik tertuduh dihadapkan di hadapan Majistret itu, Majistret itu memerintahkan lesen memandu dirampas dan digantung dengan serta merta sementara menunggu kesnya dilupuskan. Tertuduh yang terkilan dengan perintah tersebut memfailkan saman pemula di Mahkamah Tinggi, Johor Bahru atas alasan peruntukan s. 41(5) bercanggah dengan peruntukan per. 5(1) Perlembagaan Persekutuan dan per. 8(1) Perlembagaan Persekutuan. YA Pesuruhjaya Kehakiman (pada ketika itu) telah membenarkan permohonan saman pemula dan memutuskan peruntukan s. 41(5) Akta itu tidak berperlembagaan dan mengakaskan perintah Majistret yang merampas

dan mengantung lesen memandu. TPR yang terkilan dengan keputusan Mahkamah Tinggi telah merayu ke Mahkamah Rayuan. Di Mahkamah Rayuan, hanya isu per. 8(1) Perlembagaan Persekutuan yang diketengahkan. Telah dihujahkan peruntukan s. 41 Akta itu dan s. 42(1) Akta itu secara salah menyebabkan ketidaksamarataan sebagaimana "doktrin intelligible differentia". Mahkamah Rayuan telah menimbangkan peruntukan s. 41(1) Akta itu melibatkan kehilangan nyawa berbanding kesalahan s. 42 Akta itu. Mahkamah Rayuan berpendapat kepentingan untuk melindungi pengguna jalan raya mengatasi segalanya dan tidak timbul ketidaksamarataan antara s. 41 Akta itu dan s. 42 Akta itu. Jika ada sekali pun, ketidaksamarataan yang wujud dibenarkan mengikut undang-undang.

[24] Peguam *amicus curiae* yang terpelajar pada akhirnya menghujahkan badan Parlimen semasa menggubal peruntukan s. 45A(3) Akta itu sedar keputusan nas duluan dan peruntukan s. 31 Akta itu dan s. 32 Akta itu. Niat badan Parlimen apabila melibatkan penggantungan di bawah s. 45A(3) Akta itu ia merujuk kepada lesen memandu dan bukannya kelas tertentu sahaja.

[25] Sebelum mahkamah ini menyentuh Kes 18 dan Kes 22 dengan lebih lanjut, eloklah diperturunkan peruntukan s. 45A(3) Akta itu yang memperuntukkan seperti berikut:

> (3) Seseorang yang disabitkan di bawah seksyen ini adalah hilang kelayakan daripada memegang atau mendapatkan **suatu lesen memandu** selama tempoh tidak kurang daripada dua tahun dari tarikh sabitan dan, dalam hal sabitan kali kedua atau kali kemudian, hilang kelayakan selama tempoh tidak kurang daripada lima tahun dari tarikh sabitan.
>
> (penekanan ditambah)

[26] Bagi maksud peruntukan s. 45A(3) Akta itu, badan Parlimen secara jelas memberikan takrifan kepada perkataan "lesen memandu".

> "lesen memandu" ertinya lesen untuk memandu kenderaan-kenderaan motor yang diberi atau disifatkan sebagai diberi di bawah Bahagian II dan termasuklah lesen belajar memandu dan lesen memandu percubaan yang diberi di bawah seksyen 29;

[27] Mahkamah ini berpendapat perkataan "lesen memandu" perlu dilihat dalam konteks Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Lesen Memandu) 1992 (PU(A) 409/1992) (Kaedah-kaedah itu). Begitu juga, mahkamah ini merujuk Bahagian II khasnya peruntukan s. 26(1) Akta itu ada yang memperincikan keperluan lesen memandu seperti berikut:

> s. 26(1) Kecuali sebagaimana diperuntukkan selainnya dalam Akta ini, tiada seorang pun boleh **memandu sesuatu kenderaan motor daripada apa-apa kelas atau perihalan,** di sesuatu jalan melainkan jika dia adalah pemegang sesuatu lesen memandu yang membenarkannya memandu sesuatu kenderaan motor daripada kelas atau perihalan itu, dan tiada seorang pun boleh mengambil kerja atau membenarkan seseorang lain memandu sesuatu kenderaan motor di jalan melainkan jika orang yang diambil kerja atau dibenarkan memandu itu adalah pemegang sesuatu lesen memandu sedemikian. (penekanan ditambah)

[28] Mahkamah ini berkesempatan meneliti kaedah-kaedah itu yang memperuntukkan tatacara atau prosedur permohonan lesen memandu dikeluarkan. Kaedah 5 Kaedah-kaedah itu memperuntukkan ujian kekompetenan untuk memandu. Kaedah 5 sub-kaedah 4 Kaedah-kaedah tersebut menetapkan kelas lesen memandu seperti berikut:

A	KENDERAAN ORANG CACAT (MOTORSIKAL)
A1	KENDERAAN ORANG CACAT (MOTOKAR)
B	MOTORSIKAL (PERSEORANGAN)
M	MOTORSIKAL (PERSEORANGAN) (tidak melebihi 500 c.c)
B2	MOTORSIKAL (PERSEORANGAN) (tidak melebihi 250 c.c)
B3	(Dipotong)
C	MOTORSIKAL SELAIN MOTORSIKAL PERSEORANGAN MOTOKAR
D	Berat tanpa muatan tidak melebihi 3500kg
DA	MOTOKAR Tanpa pedal klac (automatic) dengan berat tanpa muatan tidak melebihi 3500kg
E	MOTOKAR BERAT Berat tanpa muatan (melebihi 7500kg)
E1	MOTOKAR BERAT Bersendi atau berat kejur tanpa muatan tidak melebihi 7500kg
E2	MOTOKAR BERAT Bersendi atau berat kejur tanpa muatan tidak melebihi 5000kg
F	TRAKTOR RINGAN Jentera Bergerak Ringan (beroda) berat tanpa muatan tidak melebihi 5000kg
G	TRAKTOR BERAT Jentera Bergerak Ringan (berantai) berat tanpa muatan tidak melebihi 5000kg
H	TRAKTOR BERAT Jentera Bergerak Berat (beroda) berat tanpa muatan melebihi 5000kg
I	TRAKTOR BERAT Jentera Bergerak Berat (berantai) berat tanpa muatan 5000kg

[29] Kaedah-kaedah itu menetapkan bentuk lesen memandu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah k. 12 sub-kaedah 1 yang berbunyi seperti berikut:

> (1) Suatu lesen hendaklah seperti dalam Borang JPJL6 atau bagi pelajar memandu dalam Borang JPJ L5 atau bagi lesen memandu percubaan dalam Borang JPJL4 Jadual Pertama dan hendaklah mengandungi -
>
> [(1) Dipinda. PU(A) 128/1994: Kaedah 5; Dipinda. PU(A) 638/1996: Kaedah 6]
>
> (a) nombor siri lesen itu;
>
> (b) nama dan alamat pemegang lesen;
>
> (c) nombor kad pengenalan pemegang lesen;
>
> (d) kelas atau kelas-kelas atau jenis atau jenis-jenis kenderaan motor pemegang lesen diberikuasa untuk memandu;
>
> (e) tarikh berkuatkuasa dan tamat lesen;
>
> (f) gambar pemegang lesen;
>
> (g) tandatangan Ketua Pengarah;
>
> (h) ruang khas untuk pengendorsan; dan
>
> (i) apa-apa maklumat lain yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah dari semasa ke semasa.

[30] Bagi kes R1 dan R2, mereka tidak mempunyai apa-apa lesen memandu. Mahkamah ini berpendapat kes *Teh Bon Heow* (*supra*) yang dirujuk oleh Puan Majistret yang terpelajar, TPR yang terpelajar dan peguam *amicus curiae* yang terpelajar ia membabitkan persoalan undang-undang yang berbeza iaitu rampasan dan penggantungan lesen memandu mengikut peruntukan s. 41(5) Akta itu iaitu sebaik seseorang tertuduh kesnya disebut dan menunggu kesnya dilupuskan. YA Zamani A Rahim PK (pada ketika itu) berpendapat tujuan peruntukan s. 41(5) Akta itu digubal seperti berikut:

> [19] The idea behind s. 41(5) is to keep the offending driver off the road forthwith upon first reading of the charge until his legal guilt is actually decided one way or the other. This is because his presence on the road is a potential danger to other road users. The suspension for all classes is temporary. If he is found guilty and convicted, his driving licence for the class for which he is charged will be suspended but his driving licence for other classes will be unaffected. If the offending driver is allowed to retain the driving licence for other classes (other than the class for which he is charged), the purpose of keeping him off the road is defeated. He may still be on the road driving other type of vehicles for example, motor car and motorcycle, which continue to pose danger to other road users.

[31] YA Hakim yang sama berpandangan bagi maksud peruntukan s. 41(5) Akta itu, kelas B2, D dan E lesen memandu digantung kesemuanya.

[32] Berbalik kepada kes semakan semasa iaitu Kes 18 dan Kes 22 ia membabitkan pertuduhan di bawah s. 45A(1) Akta itu. Tiada isu yang dibangkitkan dalam kes *Teh Bon Heow* (*supra*) timbul. Mahkamah ini turut merujuk kes *Teh Bon Hew* (*supra*), YA Hakim yang sama secara *obiter dicta* menzahirkan pandangannya apabila seseorang itu disabitkan atas kesalahan s. 41(1) Akta itu, adakah penggantungan lesen memandu terhad kepada kelas kenderaan yang terlibat atau semua kelas iaitu B2, D dan E?

[33] YA Hakim berpendapat:

> ... If the driver is found guilty and convicted, his driving licence for the class for which he is charged will be suspended *but his driving licence for other classes will be unaffected. PP v. Harmenderpall Singh Jagara Singh* (foll). (para 19). (penekanan ditambah)

[34] Peguam *amicus curiae* yang terpelajar ada merujuk kes *Harmenderpall Singh Jagara Singh* (*supra*) dalam hujahan lisannya. Mahkamah ini berpendapat kes *Harmenderpall Singh Jagara Singh* (*supra*) melibatkan pertuduhan s. 41(1) Akta itu dan bukannya s. 45A(1) Akta itu. Dalam kes *Harmenderpall Singh Jagara Singh* (*supra*), ia melibatkan isu ketidaksama rataan peruntukan s. 41(1) Akta itu dan s. 42(1) Akta itu yang dihujahkan bercanggah dengan per. 8 Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah Rayuan dalam penghakiman bertulisnya menzahirkan pandangannya seperti berikut:

> [46] Thus, the answer to the issue of law above in my opinion is that although s. 41(5) is discriminatory, it is expressly allowed by the qualification in art. 9(2) of the Federal Constitution and also by judicial interpretation of the meaning of "public order" and "public safety" and is good law according to the 6th principle of law laid down by the Federal Court in *Harun Haji Idris*. In short, the classification in s. 41(5) is permissible discrimination, consistent with art. 9(2), does not violate and is not contrary to equality of protection of the law in art. 8(1). Section 41(5) is constitutionally valid. And I hold accordingly.

[35] Meneliti kes *Harmenderpall Singh Jagara Singh* (*supra*), walaupun melibatkan penggantungan lesen memandu di bawah s. 41(5) Akta itu, ia di peringkat sebelum perbicaraan atau disabitkan atas kesalahan. Mahkamah Rayuan tidak menyentuh sama ada penggantungan lesen memandu selepas disabitkan atas kesalahan di bawah s. 41(1), penggantungan lesen memandu atas semua kelas atau terhad kepada kelas kenderaan yang terlibat dengan kesalahan.

[36] Mahkamah ini merujuk peruntukan proviso kepada s. 31(1)(b) yang berbunyi seperti berikut:

A (1) Mana-mana mahkamah yang di hadapannya seseorang disabitkan atas sesuatu kesalahan jenayah berkaitan dengan pemanduan sesuatu kenderaan -

(a) ...; dan

B (b) boleh dalam apa-apa hal, dan hendaklah jika menurut kuasa sesuatu sabitan, seseorang itu hilang kelayakannya daripada memegang atau mendapatkan suatu lesen memandu atau jika suatu perintah yang menghilangkan kelayakan seseorang sedemikian dibuat, atau jika dikehendaki sedemikian oleh Bahagian ini, memerintahkan supaya butir-butir mengenai sabitan itu dan apa-apa hilang kelayakan yang baginya orang C yang disabitkan itu tertakluk hendaklah diendorskan pada mana-mana lesen memandu yang dipegang oleh pesalah itu:

Dengan syarat bahawa, jika difikirkan patut oleh mahkamah, apa-apa hilang kelayakan yang dikenakan di bawah seksyen *ini boleh dihadkan kepada pemanduan sesuatu kenderaan motor* D *daripada kelas atau perihalan yang sama seperti kenderaan motor yang mengenainya kesalahan itu dilakukan.*

(penekanan ditambah)

[37] Mahkamah ini berpendapat timbul persoalan sama ada peruntukan proviso kepada s. 31(1)(b) Akta itu terpakai ke atas R1 dan R2 apabila E mengaku bersalah dan telah disabitkan atas kesalahan s. 45A(1) Akta itu? Peruntukan tersebut memberi budi bicara "jika difikirkan patut oleh mahkamah" apabila seseorang disabitkan atas sesuatu kesalahan jenayah berkaitan pemanduan sesuatu kenderaan.

F **[38]** Mahkamah ini berpendapat peruntukan s. 31(1) Akta itu terpakai apabila seseorang disabitkan atas sesuatu kesalahan jenayah berkaitan pemanduan sesuatu kenderaan. Mahkamah ini berpendapat s. 31(1) Akta itu merujuk kesalahan jenayah berkaitan pemanduan sesuatu kenderaan contohnya kesalahan s. 304A Kanun Keseksaan (sila rujuk kes *PP v. Mahfar Sairan* [2000] 7 CLJ 600). Mahkamah ini berpendapat peruntukan proviso G kepada s. 31(1)(b) Akta itu tidak terpakai kepada kesalahan di bawah Akta itu contohnya kesalahan s. 45A(1) Akta itu.

[39] Mahkamah ini berpendapat dalam kes R1 dan R2, proviso kepada s. 31(1)(b) Akta itu tidak terpakai. Sehubungan itu, Puan Majistret itu tidak boleh mengunakan budi bicara untuk memerintahkan R1 dan R2 hilang H kelayakan untuk memohon lesen memandu kelas D semata-mata bagi maksud penggantungan s. 45A(3) Akta itu. Mahkamah ini berpendapat s. 45A(3) Akta itu merujuk "lesen memandu" sebagaimana yang ditakrifkan di bawah s. 2 Akta itu. Mahkamah ini berpendapat bagi kesalahan s. 45A(1) Akta itu, mahkamah perlu melihat niat badan Parlimen semasa menggubal I peruntukan tersebut.

[40] Mahkamah ini berkesempatan untuk meneliti "Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat Bil 25 Rabu 26 Ogos 2020" semasa membahaskan Rang Undang-undang Pengangkutan Jalan (Pindaan) 2020 dan membabitkan pindaan s. 45A(1) Akta itu. Semasa membentangkan Rang Undang-Undang tersebut untuk dibahaskan, YB Menteri Pengangkutan Datuk Seri Ir Dr Wee Ka Siong (pada ketika itu) ada menyentuh isu kemalangan maut yang berpunca dari pemanduan kenderaan di bawah pengaruh alkohol. YB Menteri dalam pembentangannya menyatakan:

> Berkaitan dengan aspek keselamatan di atas jalan raya, isu kemalangan maut yang disebabkan oleh pemandu yang memandu di bawah pengaruh alkohol adalah merupakan suatu perkara yang amat dipandang serius oleh kerajaaan khususnya Kementerian Pengangkutan. Seperti umum mengetahuinya, kebelakangan ini kemalangan maut melibatkan pemandu mabuk semakin kerap berlaku dan dilaporkan dalam media massa. Sekiranya perkara ini tidak ditangani dengan serius dan holistic, ia akan membawa kesan yang amat negatif kepada orang ramai serta pengguna jalan raya yang tidak bersalah. Impak sesuatu kemalangan itu terutamanya yang menyebabkan kecederaan kekal atau kematian adalah amat buruk ke atas ahli keluarga atau waris mangsa yang terlibat. Selain itu, setiap kemalangan tidak kira sama ada melibatkan kecederaan atau kematian akan menimbulkan implikasi kewangan yang tinggi kepada kerajaan sama ada menerusi kos pembaikan, kos kehilangan efficiency ekonomi dan kos rawatan kesihatan. Oleh yang demikian, sebagai salah satu langkah utama bagi meningkatkan kesedaran dan bagi menjadi satu bentuk pencegahan pengajaran deterrence kepada orang ramai, peruntukan-peruntukan Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu Akta 333 yang berkaitan dengan kesalahan memandu tidak mematuhi peraturan jalan raya sama ada menyebabkan kematian atau kecederaan akan dipinda. Antara lain, pindaan akan melibatkan peningkatan kadar hukuman atau penalti selain menjadikan hukuman penjara sebagai satu bentuk hukuman yang mandatori bagi kesalahan yang berkenaan.

[41] Mahkamah ini turut berpeluang meneliti perbahasan yang diutarakan oleh YB Tan Sri Noh bin Haji Omar (Ahli Parlimen Tanjung Karang) ada menyentuh isu pemandu mabuk. YB dalam ucapannya menyatakan:

> Tuan Yang di-Pertua, kita lihat undang-undang yang dibuat ini amat baik sekali tetapi kalau kita lihat dalam undang-undang ini, semuanya mengenai menghukum. Hukum kita sokong, hukuman yang berat ini mesti kita kuatkuasakan. Akan tetapi kita juga kena mesti mencari juga sebab-sebab berlakunya pemandu mabuk. Oleh sebab itu kita kena lihat, bagi saya, kita kena tengok tiga peringkat yang kita perlu kenal pasti.
>
> Pertama ialah pencegahan. Kalau pencegahan kita tidak ambil berat, sudah tentu akan berlaku perkara pemandu mabuk. Selepas pencegahan, yang kedua hukuman. Ini betul hukuman. Ini bagi ini fasa kedua dan juga fasa ketiga, kita juga harus memberi pembelaan terhadap keluarga mangsa yang terlibat.

[42] Mahkamah ini turut merujuk kepada perbahasan yang dikemukakan oleh YB Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh (Ledang) di mana YB ada merujuk kepada perangkaan kes-kes pemanduan di bawah alkohol. YB dalam perbahasannya berkata:

> Kalau lihat daripada segi statistik sejak dari 2015 hingga 2020 - sehingga Jun 2020 ada sebanyak 927 kes yang melibatkan pemanduan di bawah pengaruh alkohol. Daripada 927 kes ini, sebanyak 47 kes melibatkan kemalangan maut dan kalau kita lihat, cerakinkan lebih lagi kepada antara Januari hingga Jun tahun ini, maka kes maut berjumlah 12 orang. Itu sudah merupakan jumlah tertinggi jika dibandingkan dengan tahun-tahun 2015 hingga 2019.

[43] Semasa perbahasan, YB Dr Azman bin Ismail (Kuala Kedah) ada menyarankan agar pendidikan diterapkan seawal di peringkat persekolahan. YB berkata:

> Jadi kerana itu, saya rasa segala langkah yang kita sebut hari ini kenalah dilakukan, tetapi Pendidikan itu is of utmost important, Tuan Yang di-Pertua. Maka kerana itulah, ia hendaklah ditingkatkan di semua peringkat. Di sekolah juga hendaklah ditanam awal-awal lagi akan bahaya memandu dalam keadaan mabuk, sama ada alkohol atau benda-benda lain supaya setiap pemandu tahu bahawa dia memegang stereng kereta itu dengan penuh tanggungjawab. Tidak memandu melulu dan kalau tidak boleh memandu, dia hendaklah berhenti memandu dan mencari pertolongan.

[44] YB Tuan Lukanisman bin Awang Sauni (Sibuti) turut melontarkan kesan pemanduan mabuk seperti berikut:

> Bagi yang terlibat di dalam kemalangan ini dan juga keluarga yang kehilangan anak, ayah, ibu akibat pemandu mabuk ini haruslah wajar diwujudkan satu bentuk skim pampasan kepada mereka.

[45] Kesalahan memandu mabuk dikecam oleh YB Tuan Che Alias bin Hamid (Kemaman) seperti berikut:

> Perkara ini penting disebabkan peningkatan hukuman yang terkandung dalam seksyen 45A adalah langkah pencegahan bagi memastikan para pemandu mabuk ini tidak sekali-kali memandu dalam keadaan mabuk sama ada menyebabkan kecederaan, kematian bahkan tidak-bukan isunya tetapi memandu dalam keadaan mabuk itu sendiri adalah dikira sebagai suatu kesalahan yang besar.

[46] Pada akhirnya, mahkamah ini merujuk kata-kata pengharapan yang diutarakan oleh YB Menteri Pengangkutan seperti berikut:

> Dari sinilah kita telah menerima motivasi. Sudah sampai masanya kita tidak boleh menunggu. Mungkin kalau kita hendak pinda keseluruhan Akta Pengangkutan Jalan 1987, mungkin tidak sempat. Akan tetapi kita memberi keutamaan kepada secara khusus iaitu memandu di bawah pengaruh alkohol, dadah dan juga memandu secara melulu dan membahayakan.

[47] Mahkamah ini berpendapat berdasarkan perbahasan yang dirujuk di atas, kesalahan di bawah s. 45A(1) Akta itu merupakan kesalahan yang berat berbanding kesalahan s. 41 atau s. 42 Akta itu. Badan Parlimen semasa menggubal peruntukan s. 45A(1) Akta itu mengutamakan keselamatan pengguna jalan raya daripada tindakan pemandu di bawah pengaruh alkohol. Natijahnya, kesalahan s. 45A(1) Akta itu membawa musibah yang teruk kepada masyarakat. Mahkamah ini berpendapat pemandu yang disabitkan atas kesalahan s. 45A(1) Akta itu dihalang untuk terus berada di atas jalanraya.

[48] Sehubungan itu, mahkamah ini berpendapat bagi maksud s. 45A(3) Akta itu, sebaik R1 dan R2 disabitkan atas kesalahan tersebut, R1 dan R2 hilang kelayakan untuk memohon lesen memandu semua kelas bagi tempoh yang ditentukan. Mahkamah ini menggunakan kuasa semakan yang ada mengakaskan perintah yang dikeluarkan oleh Puan Majistret itu iaitu R1 dan R2 hilang kelayakan untuk memohon lesen memandu kelas D dan menggantikan R1 dan R2 hilang kelayakan untuk memohon lesen memandu semua kelas.

[49] Mahkamah ini sedar semasa membuat keputusan sesuatu kes, tugas mahkamah terbatas dengan peruntukan yang sedia ada digubal oleh badan Parlimen. Dalam konteks ini eloklah dirujuk kes *Robert Lee & Anor v. Wong Ah Yap & Anor* [2007] 4 CLJ 1 di mana YA Abdul Hamid Mohamad HMP berpendapat:

> [59] It is true that the courts, through its decisions try to arrive at a "fair and just" result. But, it can only do so within the confines of the law, not through some general and vague sense of fairness and justice. The building may be called "The Palace of Justice", but the courts it houses are the courts of law.

[50] Berdasarkan prinsip dalam kes *Robert Lee & Anor* (*supra*), mahkamah ini berpendapat bagi maksud "lesen memandu", ia merangkumi semua kelas lesen memandu bagi tujuan s. 45A(3) Akta itu. Mahkamah ini sedar, kesannya seolah-olah menafikan hak R1 dan R2 daripada memandu kenderaan lainnya. Sebarang kecelaruan atau ketidakadilan yang mungkin timbul perlulah dikembalikan kepada badan Parlimen untuk meleraikan sebarang kekusutan yang ada. Adakah niat badan Parlimen untuk menggantung kelas lesen memandu tertentu atau semua kelas. Mahkamah ini merujuk kes yang sama di mana Mahkamah Persekutuan ada menyatakan pendapatnya:

> [60] The British, having colonized "Tanah Melayu" (as Peninsular Malaysia was then known in the Malay language) leading to the influx of immigrants (this is a historical fact), saw it necessary to make laws to protect the ownership of the Malays over some areas of land. The law was enacted by legislature as a matter of policy. It is preserved by the Constitution. If at all it should be repealed or amended, let it be decided, as a matter of policy, by the legislature, not the court through its decision.

[51] Berbalik kepada Kes 18 dan Kes 22, mahkamah ini berpendapat walaupun R1 dan R2 hilang kelayakannya untuk memohon lesen memandu semua kelas, peruntukan s. 33(1) Akta itu memberi ruang kepada R1 dan R2 untuk membuat permohonan selepas tempoh satu tahun dari tarikh sabitan atau jika ada rayuan, bermula dari tarikh keputusan rayuan. Bagi kemudahan rujukan, diperturunkan peruntukan s. 33(1) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> s. 33(1) Mana-mana orang yang menurut kuasa suatu sabitan atau perintah di bawah Bahagian ini dihilangkan kelayakan daripada memegang atau mendapatkan sesuatu lesen boleh, bila-bila masa selepas habis tempoh satu tahun dari tarikh sabitan atau perintah itu atau, jika suatu rayuan dibuat terhadap sabitan atau perintah tersebut, dari tarikh keputusan rayuan itu, dan dari semasa ke semasa (tidak kurang daripada tiga bulan dari tarikh permohonannya yang terakhir yang dibuat di bawah seksyen ini) **memohon kepada mahkamah yang di hadapannya dia disabitkan atau yang membuat perintah itu bagi menghapuskan hilang kelayakan itu.** (penekanan ditambah)

[52] Sebaik permohonan dibuat di bawah s. 33(1) Akta itu, mahkamah yang memerintahkan penggantungan lesen memandu mempunyai budi bicara untuk "menghapuskan hilang kelayakan itu dari tarikh sebagaimana dinyatakan oleh mahkamah dalam perintah itu atau menolak permohonan tersebut".

[53] Bagi kemudahan rujukan, diperturunkan peruntukan s. 33(2) Akta itu yang berbunyi seperti berikut:

> (2) Apabila suatu permohonan seperti tersebut dahulu dibuat, mahkamah boleh setelah memberikan perhatian tentang watak pemohon, kelakuannya berikutan daripada sabitan atau perintah itu, jenis kesalahan dan apa-apa hal keadaan lain, sama ada dengan perintah menghapuskan hilang kelayakan itu dari tarikh sebagaimana dinyatakan oleh mahkamah dalam perintah itu atau menolak permohonan tersebut.

[54] Bagi Kes 23, mahkamah ini berpendapat peruntukan s. 45A(1) Akta itu tiada peruntukan sebagaimana s. 41(3) Akta itu. Sehubungan itu, bagi kesalahan s. 45A(1) Akta itu, sebaik R3 dituduh di mahkamah dan ditawarkan jaminan, Puan Majistret itu tiada kuasa untuk merampas atau menggantung lesen memandu semua kelas sementara menunggu pelupusan kes R3. Sehubungan itu, Puan Majistret itu secara betulnya apabila tidak memerintahkan apa-apa penggantungan lesen memandu bagi kesalahan s. 45A(1) Akta itu.

Kesimpulan

[55] Berdasarkan alasan-alasan yang diperincikan di atas, mahkamah ini menggunakan kuasa semakan yang ada dan memerintahkan:

(i) perintah Puan Majistret yang menghilangkan kelayakan R1 dan R2 untuk memegang lesen memandu kelas D diakaskan dan digantikan kepada hilang kelayakan untuk memohon lesen memandu semua kelas; dan

(ii) bagi Kes 23 iaitu membabitkan R3, tiada apa-apa perintah dikeluarkan.